

**Najib diselar cuba 'tolak' isu hak penjagaan anak kepada Mahkamah Persekutuan**  
**Malaysian Insider**  
**Jun 14, 2014**  
**Oleh Elizabeth Zachariah**

Peguam dan pertubuhan sivil melahirkan kehairanan dengan kenyataan Datuk Seri Najib Razak baru-baru ini yang mencadangkan isu hak penjagaan anak membabitkan ibu bapa Islam dan bukan Islam diselesaikan di Mahkamah Persekutuan sebagai mengatasi kemelut percanggahan keputusan mahkamah sivil dan syariah.

Sambil menyatakan kes tersebut sudah melalui proses mahkamah dan keputusan sudah pun dikeluarkan, mereka mempersoal keperluan memanjangkan kes ke Mahkamah Persekutuan seperti dicadangkan perdana menteri.

Pada masa sama, mereka menyelar Najib kerana cuba "cuci tangan" dan menolak isu penukaran agama anak tanpa kebenaran kedua ibu bapa kepada Mahkamah Persekutuan.

Menurut mereka, mahkamah tinggi sudah membuat pendirian bahawa ia memiliki bidang kuasa mengatasi mahkamah syariah dalam hal sebegini. Presiden Persatuan Peguam Wanita, Meera Samanther, berkata pihak terlibat sudah pun ke mahkamah dan perintah sudah dikeluarkan.

"Kedua-dua pihak telah ke mahkamah dan perintah sudah dikeluarkan. Ia merupakan perintah tertinggi," kata Meera, merujuk keputusan Mahkamah Tinggi Ipoh pada 30 Mei, mengatakan mahkamah tinggi sivil punya kuasa lebih tinggi daripada mahkamah syariah dalam sebarang pertikaian melibatkan pasangan yang salah seorang mereka telah memeluk Islam.

Hakim Lee Swee Seng berkata, bidang kuasa mahkamah tinggi sivil berdasarkan pegangan bahawa mahkamah syariah tidak mempunyai kuasa menyempurnakan perkahwinan pasangan bukan Islam.

"Saya tidak faham akan cadangan PM itu, kerana perintah sudah pun diberi. Kedua-dua pihak sudah menjalani proses perundangan dan inilah hasilnya," kata Meera.

Khamis lalu, Najib meminta pasangan berlainan agama yang terlibat dalam tuntutan penjagaan anak supaya menggunakan saluran Mahkamah Persekutuan sekiranya terdapat perbezaan keputusan sivil dan syariah.

Beliau merujuk ke perebutan anak melibatkan S Deepa di Seremban dan M Indira Gandhi di Ipoh serta suami mualaf mereka, dan berkata kedua-dua pihak boleh membawa rayuan kepada Mahkamah Persekutuan sekiranya berlaku pertembungan.

"Mereka boleh merayu di Mahkamah Persekutuan. Oleh kerana perkara ini telah mendapat perhatian umum, kerajaan percaya mahkamah akan memberi keutamaan kepada kes ini," Najib dilaporkan berkata.

Pengarah Eksekutif Pertubuhan Bantuan Wanita (WAO), Ivy Josiah, bersetuju dengan Meera, sambil berkata hanya mahkamah sivil mempunyai kuasa memutuskan kes penjagaan anak hasil dari perkahwinan bukan-Islam.

"Adalah penting di sini bahawa dalam setiap pertelingkahan mengenai penjagaan anak setakat ini, yang melibatkan mahkamah syariah dan sivil, mahkamah sivil telah memberikan hak penjagaan anak kepada pihak ibu walaupun berlawanan dengan perintah mahkamah syariah," katanya.

Merujuk kes Shamala Sathiyaseelan, Indira Gandhi dan S. Deepa, Josiah berkata, "Kedua-dua hakim Zabariah (Mohd Yusof) dan Lee secara jelas mengatakan dalam penghakiman mereka bahawa mahkamah syariah tidak punya kuasa dalam menentukan hak penjagaan anak."

Zabariah menghakimi kes Deepa, manakala Lee menghakimi kes melibatkan Indira Gandhi.

"Justeru, undang-undang sudah jelas bahawa hanya mahkamah sivil punyai bidang kuasa dalam isu hak penjagaan anak hasil perkahwinan bukan Islam," tambah Josiah.

WAO dan Gabungan Kumpulan Wanita Bertindak bagi Kesaksamaan Gender (JAG) sudah sekian lama menyeru pindaan perundangan bagi melindungi hak ibu dan anak selepas penukaran agama suami mereka, kata Josiah.

Tujuh tahun lalu, kedua-dua pertubuhan ini telah mengemukakan memorandum kepada kerajaan persekutuan mencadangkan pindaan khusus terhadap undang-undang untuk melarang penukaran agama anak bawah umur tanpa kebenaran kedua ibu bapa, dan memastikan semua isu berkaitan perkahwinan sivil ditangani melalui undang-undang dan mahkamah sivil.

Mereka mencadangkan pindaan ke atas Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 (Akta 164), Seksyen 5 Akta Penjagaan Budak 1961, serta Artikel 12(4) Perlembagaan Persekutuan.

Ketua pertubuhan antara agama, Jagir Singh, berkata Putrajaya sepatutnya tidak lari dari tanggungjawab dengan menyerahkan kepada mahkamah dalam memastikan tidak berlaku pertukaran agama anak tanpa kebenaran kedua ibu bapa.

Jagir, presiden Majlis Perundingan Bagi Agama Buddha, Kristian, Hindu, Sikh dan Tao, berkata kabinet pada 2009 mengarahkan bahawa dalam sebarang pertikaian, seorang kanak-kanak perlu dibiarkan agama yang dianuti kedua ibu bapanya pada masa perkahwinan.

"Kabinet tidak boleh menolaknya kepada mahkamah. Ia mesti menguatkuasakan keputusannya pada 2009," katanya kepada The Malaysian Insider.

Jagir berkata pihak mahkamah juga harus dipersalahkan atas "kekeliruan" ini, dan merujuk kes R Subashini pada 2007, di mana Mahkamah Persekutuan membuat keputusan perkataan "parent" dalam Artikel 12(4) Perlembagaan Persekutuan boleh membawa maksud samada ibu atau bapa, yang berhak menukar agama anak mereka.

"Takrifan ini salah. Ia sepatutnya merujuk kedua ibu bapa. Sekiranya salah seorang boleh menukar agama anak mereka, yang seorang lagi pun boleh.

"Ini bermakna kita bakal melihat kanak-kanak ini menukar agama mereka hari-hari," katanya.

Sebagai jalan keluar, Jagir, yang juga merupakan seorang peguam, menyeru Putrajaya meminda undang-undang melarang pertukaran agama anak dilakukan oleh hanya seorang daripada pasangan ibu bapa.

"Mereka perlu membawa sebuah pindaan bagi memastikan kebenaran kedua ibu bapa dalam penukaran agama anak," katanya.

Sehingga ini berlaku, Jagir berkata masalah sama akan berpanjangan.

Josiah bersetuju, dan berkata, "Sehingga keputusan kabinet pada 2009 menghalang penukaran agama tanpa kebenaran digubal menjadi undang-undang, lebih ramai kanak-kanak dan pasangan bukan Islam akan menghadapi kebuntuan perundangan."

Ahli Parlimen Ipoh Barat M Kula Segaran semalam mempersoalkan mengapa pindaan berkaitan tidak dibuat walaupun sudah wujud keputusan Kabinet.

"Pada 2009, saya mempersoalkan keberkesanan arahan Kabinet, kerana ia berupa nasihat semata-mata. Ia tidak ada kuasa perundangan. Tidak siapa pun mematuhi."

"Sekiranya ada yang mematuhi, wanita dalam kedua kes ini tidak perlu melalui derita emosi dan tekanan," katanya.

Najib dilaporkan sudah berbincang dengan Peguam Negara dan menteri bertanggungjawab dalam kes tersebut.

"Pelbagai pihak memberikan pandangan mereka mengenai kes ini. Kerajaan bimbang akan nasib dan kebajikan anak yang terlibat sekiranya kes ini berpanjangan," kata Najib.

"Peguam Negara akan berbincang dengan keluarga yang terbabit bagi tujuan ini dan saya harap semua pihak akan menghormati keputusan yang dibuat mahkamah."

Bulan lepas, Mahkamah Rayuan menolah permohonan mualaf N Viran (Izwan Abdullah) untuk mengenenepikan perintah Mahkamah Tinggi Seremban menyerahkan hak penjagaan anak kepada bekas isterinya, S. Deepa. Sebaliknya, Izwan diberikan hak penjagaan oleh Mahkamah Syariah.

Dalam kes membabitkan Indira, beliau berjaya dalam permohonannya mendakwa bekas suaminya, K. Patmanathan (Muhammad Ridzuan Abdullah) mengingkari perintah mahkamah kerana gagal mengembalikan anak bongsu mereka, Prasana Diksa, 6.

Perintah tersebut dikeluarkan Mahkamah Tinggi pada 11 Mac, 2010, memberikan Indira hak penjagaan penuh terhadap ketiga-tiga anak mereka. Ridzuan pula mendapatkan hak penjagaan mereka menerusi Mahkamah Tinggi Syariah di Ipoh pada April 2009. – 14 Jun, 2014.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/najib-diselar-cuba-tolak-isu-hak-penjagaan-anak-kepada-mahkamah-persekutuan>